

## **DASAR DAN KARAKTER PEMERINTAHAN KESULTANAN SULU DALAM MENGUASAI EKONOMI MARITIM DI LAUT SULU SEBELUM ABAD KE-19** *The Policy and Character of The Government of The Sultanate Sulu in Dominating The Maritime Economy in The Sulu Sea Before The 19th Century*

**MOSLI TARSAT<sup>1</sup>**

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

*<sup>1</sup>mos\_79@ums.edu.my*

*Dihantar: 24 Jun 2022/ Diterima: 23 Oktober 2021/ Terbit: 21 Disember 2022*

**DOI:** <https://doi.org/10.51200/jba.v7i1.4220>

### **Abstrak**

Makalah ini membincangkan tentang dasar dan karakter pemerintahan Kesultanan Sulu dalam menguasai ekonomi maritim di Laut Sulu sebelum abad ke-19. Perbincangan ini memfokuskan kepada dua aspek, iaitu pertama untuk merungkai semula dasar dan karakter Kesultanan Sulu dalam memanfaatkan Laut Sulu sebagai sumber ekonomi utama mereka. Kedua, untuk membuktikan bahawa aspek dasar dan karakter pemerintah sebagai faktor utama yang menentukan kejayaan penguasaan ekonomi maritim. Makalah ini menggunakan pendekatan sejarah dan kaedah kualitatif dalam mendapatkan sumber penulisan yang terdiri daripada sumber primer dan sumber sekunder. Hasil makalah ini mendapati bahawa terdapat empat dasar yang dilaksanakan untuk menguasai Laut Sulu, iaitu dasar pengawalan ekonomi (untuk menghubungkan Laut China Selatan-Laut Sulu), melebarkan wilayah perdagangan, agenda ekonomi berasaskan sumber laut dan aktiviti rompak dan pemburuan hamba. Semua dasar ini memperlihatkan karakter pemerintah yang menitikberatkan ekonomi maritim berbanding dengan ekonomi tanah daratan. Apa yang menentukan kejayaan Kesultanan Sulu dalam menguasai ekonomi Laut Sulu sebenarnya adalah disebabkan oleh dasar dan karakter ini sehingga dikenali sebagai sebuah kerajaan maritim yang berpengaruh dan disegani di rantau Alam Melayu.

**Kata kunci:** Dasar dan karakter, Kesultanan Sulu, ekonomi maritim.

### **Abstract**

*This paper discusses the principles and character of the Sulu Sultanate's rule in controlling the maritime economy in the Sulu Sea before the 19th century. This discussion focuses on two aspects, the first is to unravel the policy and character of the Sulu Sultanate in utilizing the Sulu Sea as their main economic resource. Second, to prove that aspects of the government's policy and character are the main factors that determine the success of maritime economic dominance. This*

*paper uses a historical approach and qualitative methods in obtaining written sources consisting of primary sources and secondary sources. The results of this paper found that there are four policies implemented to control the Sulu Sea, which are economic control policies (to connect the South China Sea-Sulu Sea), expanding the trading area, an economic agenda based on marine resources and robbery and slave hunting activities. All these policies show the character of the government that prioritizes the maritime economy compared to the land economy. What determines the success of the Sultanate of Sulu in controlling the economy of the Sulu Sea is actually due to this policy and character so that it is known as an influential and respected maritime kingdom in the Malay region.*

**Keywords:** Policy and character, Sultanate of Sulu, maritime economy.

## **Pengenalan**

Kemunculan Kesultanan Sulu bermula dari sebuah kerajaan kecil Sulu hingga menjadi sebuah kesultanan yang terkenal setanding dengan Kesultanan Brunei, Kesultanan Pontianak, Kesultanan Banjarmasin dan kerajaan-kerajaan maritim yang lain di Nusantara. Pada abad ke-18 dan ke-19, wilayahnya menganjur dari pantai timur Borneo Utara di bahagian barat daya hingga ke selatan Pulau Mindanao di bahagian timur laut, dan dari Pulau Palawan di bahagian barat laut hingga ke utara Kepulauan Sulawesi di bahagian tenggara. Dalam wilayah ini terdapat pulau-pulau besar dan gugusan pulau kecil yang dianggarkan lebih kurang 500 buah pulau. Daripada jumlah pulau tersebut, hanya 78 buah pulau sahaja yang mempunyai keluasan melebihi satu batu persegi dan semua jumlah ini merangkumi keluasan kira-kira 1,566 batu persegi. Namun, hanya tiga buah pulau sahaja yang begitu menonjol dari segi keluasan dan bentuk fizikalnya iaitu Pulau Jolo, Basilan dan Tawi-tawi. Ketiga-tiga pulau ini jelas menjadi tumpuan utama penduduk dalam membina penempatan di samping pulau-pulau kecil yang lain seperti Pulau Sarangani, Sibutu, Cagayan Sulu, Pangutaran, Siasi, Balabac, Balambangan, Banggi, Malawali, Tapul dan sebagainya.

Melalui rekod-rekod sejarah, Kesultanan Sulu telah diperintah oleh 32 orang sultan yang sah iaitu bermula daripada Sultan Syarif Ul-Hashim (1450-1480) hinggalah Sultan Jamal Ul-Kiram II (1884-1936) ((Majul, 1981:167-182; Majul(a), 1988:20-35; Tuban, 1994:20-38; M:218/82- C.O.874; Najeeb M. Saleeby, 1903: 147-152). Semua sultan ini sangat berpengaruh dan memainkan peranan yang penting semasa era pemerintahan mereka dengan pelbagai perubahan yang dilaksanakan untuk mempertahankan kedaulatan wilayah dan tanah jajahan Kesultanan Sulu. Kejayaan kesultanan ini sebenarnya banyak ditentukan oleh kedudukan geografi yang strategik, hubungan perdagangan dengan Benua China, pelabuhan yang pesat dan sebagainya termasuklah

karakter pemerintah. Apa yang dimaksudkan dengan karakter pemerintah ialah tindakan yang dilakukan oleh pemerintah dalam menentukan hala tuju sesebuah kerajaan atau negara. Sekiranya kerajaan menitikberatkan dasar ekonomi berasaskan laut, sudah pasti kerajaan itu bercirikan kerajaan maritim dan sebaliknya jika kerajaan itu menjadikan ekonomi berasaskan tanah daratan pasti bercirikan kerajaan agraria. Dalam konteks ini, Sultan Sulu di Jolo sangat mementingkan soal menguasai ekonomi kelautan atau menggunakan laut sebagai sumber utama ekonominya. Perkara ini jelas dalam dasar dan polisi yang dilaksanakannya dalam menguasai Laut Sulu, iaitu dasar pengawalan ekonomi (untuk menghubungkan Laut China Selatan-Laut Sulu), melebarkan wilayah perdagangan, agenda ekonomi berasaskan sumber laut dan aktiviti rompakan dan pemburuan hamba. Semua ini sudah tentu dapat menggambarkan bahawa karakter pemerintah Sulu menitikberatkan ekonomi kelautan sebagai agenda utama ekonominya berbanding ekonomi tanah daratan. Oleh itu, bab ini membincangkan bagaimana karakter pemerintah Kesultanan Sulu dapat menguasai ekonomi kelautan di Laut Sulu sebelum abad ke-19.

### **Menghubungkan Laut China Selatan-Laut Sulu**

Sebagai sebuah kerajaan yang berpentaskan laut, kebijaksanaan Sultan Sulu dapat dilihat melalui usaha menghubungkan Laut China Selatan dan Laut Sulu untuk mengembangkan Pelabuhan Jolo. Untuk mencapai hasrat ini, Sultan Sulu telah melaksanakan satu dasar yang banyak memberi manfaat kepada Kesultanan Sulu, iaitu dasar pengawalan ekonomi. Dasar ini merupakan salah satu dasar yang dilaksanakan dan diamalkan oleh Kesultanan Sulu di peringkat pusat. Dasar ini hanya melibatkan antara Kesultanan Sulu dengan pedagang-pedagang<sup>1</sup> Cina sahaja dalam aspek perdagangan luar dan pengembangan Pelabuhan Jolo. Dasar ini bertujuan untuk mengawal aliran komoditi-komoditi barang niaga pedagang-pedagang Cina dan menggalakkan perkembangan pesat Jolo sebagai pusat pengumpulan dan pengedaran barang dagangan utama di Laut Sulu. Dasar ini juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan pedagang-pedagang tempatan terutamanya di antara pedagang pembesar Sulu dengan pedagang Bugis. Sebelum dasar ini diperkenalkan, pada abad ke-18, tongkang-tongkang dari China telah belayar dan singgah di Pelabuhan Manila, Pelabuhan Pulau Panay dan selatan Kepulauan Visayan. Seawal minggu pertama bulan Mac dan selewat-lewatnya pertengahan bulan April, tongkang-tongkang ini sampai di Pelabuhan Jolo untuk mengurus niaga. Pada permulaan bulan Ogos pula mereka akan meninggalkan Jolo kerana selepas tempoh tersebut berlakunya angin ribut di sepanjang pantai Palawan (Warren, 1981:6). Kehadiran tongkang-tongkang ini jelas menunjukkan bahawa berlaku perkembangan pesat di Pelabuhan Jolo dan menggalakkan aktiviti ekonomi berasaskan laut dalam kalangan petempatan orang-orang Cina dan pembesar Sulu di Rumah Bichara Jolo.

Namun, setelah dasar ini diperkenalkan, semua pedagang Cina dikehendaki belayar terus ke Pelabuhan Jolo tanpa singgah di pelabuhan-pelabuhan lain. Bermaksud pemerintah Sulu melarang sebarang tongkang-tongkang China daripada berdagang secara terus dengan pulau-pulau luar. Menurut James Warren:

*The Taosug aristocracy of Jolo, Sandakan, Bulungan, and Berau carried on a complementary trade with the Dutch ports of Menado and Ternate, the Buginese villages of Kylie and Pasir, and Samarinda. Trading expeditions were either led by datus, their kindred, or trusted retainers-usually a sherif, Chinese trader, or Bugis slave. Taosug trading vessels frequenting Menado and Ternate exchanged Chinese commodities for rice, bird's nest, shark's fin, tortoise shell, lorikeets, and spices. Because of the prohibition of direct junk trade from China to the outer islands, the Taosug experienced no difficulty in exchanging their wares with the Dutch burghers, Buginese trades, and Chinese inhabitants. Most of their imported articles were Chinese manufactured in contrast to their exports which consisted of cereals and marine jungle produce (Warren, 1981:14-15).*

Jika peraturan ini dilanggar, mereka akan diserang dan barang dagangan akan dirampas. Oleh itu, peraturan ini telah membolehkan pedagang Bugis berdagang di pusat-pusat perdagangan yang didominasi oleh pembesar Sulu khususnya di Jolo dan sebaliknya. Namun, kebebasan berdagang sedemikian tidak diberikan kepada pedagang-pedagang Cina dan mereka semua mesti berlabuh dan berdagang di Jolo sahaja. Komoditi yang diperdagangkan oleh pedagang-pedagang Cina termasuklah tembikar, pinggan mangkuk, teksil, sutera, teh tali, benang dan serbuk bedil, manakala komoditi yang dibeli dari Pelabuhan Jolo ke Amoy (China) pula ialah tripang, mutiara, lilin, sarang burung, sirip jerung, kapur barus dan rempah-ratus.

Proses urus niaga perdagangan ini bermula dengan ketibaan tongkang-tongkang Cina di Pelabuhan Jolo dikenakan cukai kastam. Bermaksud, Sultan Sulu akan mengenakan apa sahaja cukai sehingga 10 peratus daripada nilai barangan yang dibawa masuk. Selain cukai barangan, kebiasaannya saudagar-saudagar yang melewati Jolo akan menawarkan barangan kepada sultan dan pembesar Sulu secara kredit. Jumlah barangan yang ditawarkan secara kredit adalah bergantung kepada saiz, kandungan dan nilai kargo dan juga bilangan pembesar Sulu yang berminat dalam perdagangan tersebut. Walau bagaimanapun, sebelum perdagangan sebenar bermula, pedagang-pedagang Cina terpaksa mengedarkan barangan yang telah dikontrakkan, menyewa ruang di pantai untuk dijadikan pasar dan berurusan dengan pembesar Sulu untuk membekalkan tiang-tiang layar baharu. Sebahagian daripada barangan yang dibawa akan diedarkan kepada orang-orang Cina yang telah menetap di Jolo secara kredit, seperti mana yang dinyatakan oleh James Warren:

*Junks cargoes consisted principally of Chinese porcelain, tiles, silk and satin garments, bolts of white and black cotton cloth, muslin and chintz piece goods, brassware, wrought iron, arms and munitions, rice, sugar, oil, and lard. Raw silk was brought in considerable quantities only on the Amoy junks. Coarse textiles and earthenware comprised the most valuable part of the freight" (Warren, 1981:8).*

Pada masa yang sama, baki barangan yang tinggal di kapal akan diperdagangkan setiap hari kepada perahu-perahu dan sampan-sampan kecil yang datang dari pulau-pulau terdekat dan termasuk juga dari pantai timur Borneo. Perahu-perahu dan sampan-sampan kecil ini sebenarnya menjalankan perdagangan bagi pihak pembesar-pembesar Sulu dari luar Jolo. Keadaan sebegini telah menyebabkan pedagang-pedagang Cina memperoleh keuntungan yang tinggi hasil daripada kesediaan pembesar Sulu membeli barangan tersebut yang kemudiannya akan dijual kepada pedagang-pedagang lain di Pelabuhan Jolo. Secara purata, keuntungan yang dinikmati oleh pedagang-pedagang Cina adalah di antara 30 peratus hingga 300 peratus (Muhammad Raduan, 1995: 105). Misalnya, barangan tekstil seperti *kowsowgs*, *kompow* dan *kangans* dijual di Sulu hingga 30 peratus keuntungan, manakala sutera putih pula dijual di antara 100 peratus hingga 300 peratus. Setelah selesai berurus niaga di Pelabuhan Jolo, barulah mereka dibenarkan ke pelabuhan-pelabuhan lain. Keadaan ini secara tidak langsung membolehkan Pelabuhan Jolo menjadi tumpuan pedagang-pedagang luar dan pedagang tempatan seperti India (Calcutta), Inggeris, Eropah, Bugis dan sebagainya. Hal ini demikian kerana semua komoditi yang diperlukan oleh pedagang-pedagang tersebut sama ada komoditi dari Benua China dan tempatan boleh didapati di Pelabuhan Jolo yang sememangnya sudah dikenali sebagai pusat pengumpulan dan pengedaran barang dagangan di seluruh Asia Tenggara.

Walau bagaimanapun, dengan kerancakan aktiviti perdagangan, Rumah Bichara telah menetapkan satu peraturan perdagangan dan pertukaran di Pelabuhan Jolo dan termasuk juga tanah jajahannya. Perkara ini dinyatakan dalam *Article 5* mengenai perdagangan dan pertukaran seperti berikut:

*Section 1: Under this article is included the sale or exchange of slave, cattle, arns, and all comodities.*

*Section 2: Whoever trades or exchanges without the knowledge and the authorisastion of the governor or his representative, small be fined seventy pesos. Each party to a sale or exchange, no matter what the rank of the person may be shall pay the fine. All of the fine shall go to the treasury.*

*Section 3: To buy a stolen article is the same as to steal it." (Lt. E.L Smith, 1908:26).*

Di bawah *article* ini, segala hal ehwal perdagangan berkuat kuasa kepada semua komoditi, pertukaran barang dagangan dan penjualan hamba, lembu dan sebagainya. Semua aktiviti perdagangan atau pertukaran yang dilakukan tanpa pengetahuan sultan atau wakilnya, hendaklah dikenakan denda sebanyak 70 pesos. Hukuman ini tidak mengira pangkat atau kedudukan. Semua hasil denda akan diserahkan kepada perbendaharaan dan disebut juga membeli barang dagang curi adalah sama seperti mencurinya. Dengan pemberitahuan tersebut, semua pedagang yang datang berurusan niaga di Pelabuhan Jolo akan dikenakan cukai kastam seperti yang telah ditetapkan oleh pemerintah. Misalnya, tongkang-tongkang Cina dan kapal dagang Calcutta dikenakan cukai kastam sehingga 10 peratus daripada nilai barangan yang dibawa masuk. Selain cukai barangan, kebiasaannya saudagar-saudagar yang melewati Jolo akan menawarkan barangan kepada sultan dan pembesar-pembesar Sulu secara kredit. Oleh itu, tidak keterlaluan dikatakan bahawa Rumah Bichara yang diwujudkan dalam sistem pemerintahan Sulu merupakan salah satu penyumbang utama kegemilangan Kesultanan Sulu di rantau Asia Tenggara khususnya pada abad ke-18 dan ke-19.

Pelaksanaan peraturan ini memberi banyak keuntungan kepada Kesultanan Sulu, pembesar Sulu dan pedagang Bugis berbanding dengan pedagang Cina khususnya dari aspek monopoli barang dagangan. Keuntungan ini bukan sahaja melibatkan kemasukkan aliran pelbagai komoditi barang dagangan ke Pelabuhan Jolo tetapi juga hasil cukai sebanyak 10 peratus daripada nilai barang dagangan tersebut. Dari semasa ke semasa dengan kehadiran pedagang-pedagang luar, akhirnya Pelabuhan Jolo menjadi pusat pengumpulan dan pengedaran barang dagangan sehingga menjadi pelabuhan entrepot yang terkenal di Asia Tenggara. Kesempatan ini telah digunakan sepenuhnya oleh pedagang-pedagang tempatan. Misalnya, pedagang Bugis membawa sumber laut untuk memenuhi keperluan pasaran China dan rempah-ratus untuk keperluan pasaran tempatan di Jolo untuk mendapatkan bekalan senjata. Senjata-senjata tersebut kemudian dijual kepada pembesar Sulu di luar Jolo untuk mendapatkan barangan kilang Cina dan British. Seterusnya barangan kilang tersebut didagangkan semula di pusat-pusat perdagangan seperti Pelabuhan Pulau Pinang, Melaka dan Betawi (Muhammad Raduan, 1995:109). Keadaan urus niaga seperti ini secara tidak langsung telah menyebabkan barang dagangan menjadi lebih mahal dan memberi banyak keuntungan kepada pedagang Bugis. Oleh itu, dasar ini dilihat telah memberi banyak manfaat dan keuntungan kepada kejayaan Kesultanan Sulu dalam menguasai aliran komoditi barang dagangan dari aspek perdagangan luarnya.

## Melebarkan Wilayah Perdagangan

Untuk melebarkan wilayah perdagangan, Kesultanan Sulu melaksanakan dasar monopoli perdagangan<sup>2</sup>. Dasar ini membawa maksud situasi keberadaan barang dagangan tertentu, sama ada di pasar tempatan atau peringkat nasional sekurang-kurangnya satu pertiga dikuasai oleh satu orang atau kelompok sehingga harganya dapat dikendalikan. Dalam erti kata mudah, dasar ini berhubung dengan pendominasian pedagang-pedagang tertentu yang mempunyai kekuatan dan kekuasaan dalam aspek perdagangan. Dalam konteks ini, dapat diertikan bahawa pedagang-pedagang Sulu mempunyai kekuatan dan hak istimewa berbanding pedagang-pedagang lain di pantai timur Borneo Utara. Dengan kekuatan tersebut, mereka dapat mendominasi dan menguasai perdagangan di Laut Sulu dan perairan pantai timur Borneo Utara.

Dasar ini dilihat sangat penting kepada pedagang-pedagang Sulu dalam persaingan antara pedagang-pedagang lain yang terlibat aktif sama ada pedagang tempatan mahupun pedagang luar. Tujuan dasar ini diperkenalkan ialah untuk menguasai arus perdagangan di Laut Sulu dan juga untuk menguasai hasil-hasil laut dan hasil-hasil hutan bagi memenuhi permintaan bahan mentah dari Benua China. Hasil daripada monopoli ini telah memberi kekayaan dan keuntungan kepada Sultan Sulu dan pedagang-pedagang Sulu dalam mengukuhkan kedudukan mereka sebagai penguasa laut di Laut Sulu khususnya. Pembesar-pembesar Sulu bukan sahaja bertindak sebagai pemerintah tetapi juga terlibat dalam aktiviti perdagangan. Sultan Sulu telah mengarahkan pembesar-pembesar Sulu supaya berperanan sebagai pedagang dan menguasai aktiviti ekonomi kelautan berasaskan perdagangan, sementara pemerintahan hanya bercorak asas sahaja ke atas penempatan-penempatan kecil yang terpencil. Sebenarnya, pedagang-pedagang Sulu ini terbahagi kepada dua golongan, iaitu pedagang Sulu yang juga terlibat sebagai pemerintah dan pedagang Sulu yang hanya terlibat dalam aktiviti perdagangan sahaja. Kedua-dua golongan ini terdiri daripada pembesar-pembesar Sulu, sama ada diarahkan oleh Sultan Sulu atau terlibat secara tradisi. Menurut Ranjit Singh:

*As the Suluk traders were the only suppliers of foreign goods, they charged exorbitant prices. The second stage of the traffic involved the exchange of items between the local rowing Suluk trader and Suluk as well as Chinese resident merchants at the downstream depot. As a result of riverine commerce on Sabah's east coast, small Suluk settlements, comprising mainly traders, were established on the lower course of rivers (Singh, 2003:92-93).*

Untuk menjadi pedagang, pembesar-pembesar Sulu mempunyai hubungan perdagangan dengan perdagangan China, Eropah (British, Belanda dan Sepanyol), India, Bugis dan juga pedagang tempatan. Hubungan ini lebih

bertujuan untuk memperoleh barang dagangan yang diperlukan oleh Benua China dan Pelabuhan Jolo seperti komoditi tripang, mutiara, kulit penyu, sirip jerung, rempah-ratus, senjata api, serbuk bedil, alat logam, tali, benang, kopi, tembikar, teh, sutera, garam, gula, sarang burung, tekstil, candu, padi kapur barus, lilin dan pinggan mangkuk. Semua komoditi ini telah memberi keuntungan yang besar melalui cukai, perkhidmatan langsung dalam perdagangan sama ada dengan pedagang tempatan mahupun pedagang luar. Mereka menguasai perdagangan di Kepulauan Sulu dan berpengaruh dalam menentukan jenis dan kuantiti komoditi yang diperdagangkan.

Pada masa yang sama, mereka telah mendirikan sebanyak 15 buah pusat perdagangan di pantai timur Borneo Utara seperti di Balambangan, Marudu, Paitan, Sugut, Labuk, Marudu, Kinabatangan, Malapi, Segama, Sabahan, Sandakan dan sebagainya (Warren, 1981:103). Semua pusat perdagangan ini merupakan kawasan penempatan masyarakat Suluk yang didirikan di pesisir pantai dan hiliran sungai. Sebagai pedagang, mereka berusaha memperoleh hasil hutan yang mendapat permintaan tinggi dan meningkatkan pendaratan hasil laut daripada pengeluar dari semasa ke semasa. Misalnya, pada tahun 1814 penduduk tebing sungai menukarkan kapur barus dengan pedagang pembesar Sulu dengan kadar seruas buluh berisi kapur barus dengan seruas buluh berisi garam. Padi bukit juga banyak dihasilkan dari petempatan-petempatan Sulu di Sungai Paitan dan Sungai Sugut (Muhammad Raduan, 1995:73).

Tahun 1856 hingga tahun 1878, memperlihatkan pembesar-pembesar Sulu telah menjadikan Pelabuhan Labuan sebagai tempat pedagang-pedagang mereka mengurus niaga selain daripada Pelabuhan Jolo. Antara pembesar Sulu yang terlibat ialah seperti Datu Alimuddin (Palawan), Syarif Yassin (Sungai Bengaya), Haji Mansur (Cagayan), Israel dan Ansurrudin. Seawal tahun 1851, dilaporkan bahawa ketua-ketua dari Teluk Marudu telah datang melawat Labuan untuk tujuan perdagangan. Namun, perdagangan bermula buat pertama kali berlangsung pada tahun 1856 dengan kedatangan pembesar-pembesar Sulu dari Kinabatangan. Pada waktu itu, Datu Alimuddin dari Palawan turut menyatakan hasrat untuk berdagang dengan Gabenor British di Labuan (Warren, 1981:107). Menurut James Warren:

*The commerce of Sulu's outer island was drawn to Labuan after 1860. Many prahus, small and great, visited from Maliud, datu Alimuddin's village, on the southeast coast of Palawan. Each year a trading flotilla was sent to Labuan by Sherif Yassin, the chief of the bengaya river on the east coast of Borneo. Yassin, who was described by the Governors as a shrewd trader, moved his settlement to Marudu Bay in 1869. From the mouth of the Tandik River, he carried on a thriving commerce with Labuan on one side and Palawan, banguey, Balabac, and Jolo on the other Side. Haji mansur,*



*a powerful aristocrat on cagayan de Sulu, was one of the most regulr of these traders, who frequently brought precious cargoes to Labuan (Warren, 1981:108-109).*

Sebelum tahun 1878, pedagang-pedagang Sulu telah menguasai sepenuhnya pusat-pusat perdagangan di Borneo khususnya di wilayah kekuasaannya, walaupun disaini oleh pedagang-pedagang lain seperti pedagang Cina<sup>3</sup> dan Bugis<sup>4</sup>. Hal ini demikian kerana mereka mempunyai kuasa untuk melaksanakan dasar perdagangan dan pelabuhan yang ditetapkan oleh Sultan Sulu sebagai pemerintah di peringkat wilayah. Mereka memiliki barang dagangan yang diperoleh daripada kekayaan Borneo Utara seperti tripang, mutiara, sarang burung, halia (*gutta-percha*), lilin, opium, sirip jerung, kulit penyu, rotan, emas, ikan masin dan ikan kering, kerang-kerang, pelbagai spesies ikan segar, belacan dan sebagainya. Semua bahan mentah ini adalah bertujuan untuk diperdagangkan oleh pembesar-pembesar Sulu terus ke pelabuhan-pelabuhan lain seperti Pelabuhan Labuan dan Pelabuhan Singapura ataupun dihantar terus dari Sandakan ke Pelabuhan Jolo. Dengan itu, jelas bahawa para pembesar Sulu bukan sahaja berperanan sebagai pemerintah tetapi juga terlibat secara langsung dalam melaksanakan dasar monopoli perdagangan di pantai timur Borneo Utara.

### **Menguasai Ekonomi Berasaskan Sumber Laut**

Dasar dominasi ekonomi berasaskan sumber laut merupakan salah satu dasar yang dilaksanakan oleh pemerintah dalam menguasai sepenuhnya sumber-sumber laut yang berada di pesisir pantai dan perairan laut atau lautan. Secara prinsipnya, dasar ini adalah satu bentuk pengelolaan dan pengendalian dalam penguasaan terhadap sumber-sumber laut yang mempunyai nilai ekonomi yang tinggi di pasaran. Penguasaan tersebut merujuk kepada satu kelompok atau perseorangan yang mempunyai mandat penuh daripada pemerintah untuk memperoleh komoditi-komoditi berasaskan sumber laut dalam skala yang besar. Dasar ini telah dilaksanakan oleh Kesultanan Sulu di pantai timur Borneo Utara dan menjadi agenda utama dalam pembangunan ekonominya. Dasar ini dilaksanakan berikutan berlaku perkembangan pesat di Pelabuhan Jolo dan permintaan bahan mentah yang tinggi dari Benua China khususnya abad ke-18 dan ke-19. Tujuan dasar ini diperkenalkan adalah untuk menguasai kekayaan sumber semula jadi yang terdapat di pantai timur Borneo Utara sama ada sumber laut mahupun sumber hutan. Sepanjang pemerintahan Kesultanan Sulu, dasar ini amat dititikberatkan dalam pembangunan ekonominya selari dengan kemunculan dan perkembangannya sebagai sebuah kerajaan yang berwajahkan kelautan.

Untuk menguasai sumber-sumber ini, Kesultanan Sulu telah melaksanakan dasar dominasi ekonomi berasaskan sumber laut di semua wilayahnya di pantai timur Borneo Utara. Dasar ini terbukti dengan pendominasian seperti yang dinyatakan oleh Alexander Dalrymple dalam laporannya seperti berikut:

*"The productions of the Sooloo dominions, in general, may be classed under four ranks:*

1. *Articles of considerable value, but such as are either in no great abundance, or take little room on ship-board.*
2. *Staples, which mush form the cargoes.*
3. *Goods, which may hereafter become staples; but, as in no demand, at present are in small quantities.*
4. *Some productions which may be useful to the commerce, but can scarcely be reckoned articles of trade"* (Dalrymple, 1769:77).

Laporan ini menunjukkan bahawa Kesultanan Sulu telah mendominasi sumber-sumber ekonomi di wilayah-wilayah ini yang dikategorikan kepada empat kelas mengikut kuantiti dan permintaan produk tersebut. Kelas pertama mempunyai nilai yang besar dan sukar diperoleh yang dimuatkan dalam ruang kapal; kelas kedua adalah produk yang mempunyai kuantiti yang banyak dan dimuatkan dalam kargo; kelas ketiga pula produk yang mempunyai permintaan tetapi produk ini hanya diperoleh dalam kuantiti yang kecil; dan kelas keempat ialah produk yang berguna kepada perdagangan tetapi tidak dititikberatkan dalam aspek ini. Semua produk ini telah dikelaskan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Pengelasan produk berasaskan hasil laut dan hutan semasa Kesultanan Sulu

Kelas	Produk
1	Emas, mutiara, kulit penyu, kapur, <i>copal</i> , <i>bezoar</i> , sarang burung, lilin, kain, <i>lack</i> , <i>ambergris</i> dan <i>civet</i> .
2	<i>Mother of pearl (teepye)</i> , sago, rotan, tongkat, kambing, <i>ebany (atta-atta)</i> , tripang ( <i>sea-flug</i> ), kerang ( <i>Manangky/ bumba/ keema</i> ), sirip jerung, rumpai laut ( <i>agal-agal</i> ), sirih ( <i>polla</i> ), <i>lacka-wood</i> , dan <i>dammar</i> .
3	Kayu manis, lada, garam, kulit cengkih, halia, kayu sapan, <i>cacao</i> , kayu kering, gula, <i>dammar</i> lembut, gandum, beras, kapas, kayu sandal, kayu merah, <i>indigo (ty-yoong)</i> dan kopi.
4	Kayu balak, <i>balibagoo</i> (seperti <i>hemp</i> ), <i>gumatty</i> , minyak kayu, minyak bumi, minyak kelapa dan madu.

Sumber: (Dalrymple, 1769:77-80).

Abad ke-18 telah menyaksikan pelayaran pembesar-pembesar Sulu bersama pengikutnya mengharungi Laut Sulu ke pantai timur Borneo utara. Dalam pelayaran tersebut, dikatakan bahawa Pulau Timbang yang terletak di Teluk Sandakan merupakan antara persinggahan dan petempatan terawal

pembesar-pembesar Sulu dan pengikutnya di Borneo Utara. Sebelum kedatangan pembesar-pembesar Sulu bersama pengikutnya, kawasan pesisir pantai di Pulau Timbang hanya didiami oleh masyarakat Bajau Laut yang dikenali sebagai *Pala'u*. Mereka tinggal di dalam perahu yang dikenali sebagai *lipa-lipa pasil*. Walaupun kehidupan dan petempatan mereka sering kali diancam oleh lanun dan cuaca buruk, mereka tetap tinggal dalam *lipa-lipa* dan enggan berpindah ke daratan. Kedatangan pembesar-pembesar Sulu bersama pengikutnya ke Pulau Timbang telah mewujudkan dua buah perkampungan masyarakat Suluk, iaitu Kampung Timbang yang diperintah oleh Datu Haji Ansurudeen dan sebuah lagi dikenali sebagai Kampung Oopak yang diperintah oleh Panglima Abdul Rahman. Sementara itu, sebuah perkampungan masyarakat Bajau Laut dibina di atas permukaan air di kawasan pesisir pantai Pulau Timbang diketuai oleh Imam Jeelanee (Ismail Ali, 2007:6).

Kehadiran mereka juga secara tidak langsung telah mewujudkan hubungan politik dan ekonomi masyarakat Suluk dengan masyarakat Bajau Laut dan penduduk tempatan di kawasan pedalaman. Hal ini demikian kerana pembesar-pembesar Sulu menjadikan Pulau Timbang, Teluk Sandakan dan kawasan pedalaman sebagai sebahagian daripada wilayah tanah jajahan Kesultanan Sulu di bawah pemerintahan Datu Haji Mohammad Ansurudeen yang berpusat di Pulau Timbang (Andrian Lapian, 2009:40). Begitu juga di wilayah yang lain telah wujud petempatan penduduk, di jajahan Marudu petempatan utama penduduk termasuklah Bawengun, Tandik, Malansingin, Sipuni, Kudat, Tambalulan dan Malubang. Dari semasa ke semasa, petempatan penduduk berkembang pesat dan muncul beberapa perkampungan baharu di pantai timur Borneo Utara yang diperintah oleh pembesar-pembesar Sulu. Pada awal abad ke-19, terdapat beberapa buah petempatan Suluk di Teluk Sandakan seperti di Towson Duyon, Pulau Loobukon, Domendung, Segaliud dan Tong Luly Luku yang diperintah oleh pembesar Sulu dan panglima (Supriya Bhar, 1980:23; Ismail Ali, 2007:6).

Perkembangan demi perkembangan telah berlaku di sepanjang abad ke-18 dan ke-19 yang memperlihatkan keghairahan pembesar-pembesar Sulu menguasai ekonomi berasaskan sumber laut selaras dengan dasar pemerintahan Kesultanan Sulu. Dalam dasar ini, Sultan Sulu telah mengarahkan mereka untuk memperoleh dan mengumpul sumber laut untuk dihantar ke Jolo dan diperdagangkan. Bermakna, kawasan pantai timur Borneo Utara hanya dijadikan sebagai tempat pengeluaran sumber laut dan hutan bagi kepentingan Kesultanan Sulu di Jolo. Untuk menguasai semua sumber ini, terdapat tiga elemen utama yang menjadi aktor penting dalam pembangunan ekonomi kelautan iaitu pemerintah, pelaksana dan pengeluar. Ketiga-tiga aktor ini saling berkait rapat dan mempunyai peranan masing-masing dalam pembangunan

ekonomi berasaskan sumber laut. Sultan Sulu sebagai pemerintah di peringkat pusat telah memberikan kuasa sepenuhnya kepada pembesar-pembesarnya untuk menjadi pemerintah dan pelaksana dalam mendapatkan sumber-sumber laut di pantai timur Borneo Utara.

Sebagai pelaksana, pembesar Sulu bertindak menjadi pemodal utama kepada komoditi-komoditi nelayan dan pesisir pantai yang bertanggungjawab meningkatkan penangkapan dan pendaratan hasil-hasil laut. Sebagai pemodal, mereka membekalkan peralatan menangkap ikan, bantuan perahu, menyediakan tenaga kerja, membekalkan garam dan bertanggungjawab menghantar hasil laut ke Jolo. Bermakna pembesar Sulu menguasai sumber-sumber laut secara komersial untuk mencipta keuntungan dan kekayaan. Sekiranya pembesar Sulu gagal menguasai sumber-sumber laut di wilayah ini, sudah tentu akan menjejaskan perkembangan Jolo dan kedudukan ekonomi kesultanan itu sendiri. Keadaan ini bolehlah dikatakan bahawa pembangunan ekonomi berasaskan sumber laut di pantai timur Borneo Utara sebenarnya hanya menjadi pembantu kepada perkembangan Jolo. Hal ini demikian kerana apa yang menjadi keutamaan pemerintah ialah pembangunan dan perkembangan pesat Jolo sebagai pusat pemerintahan dan ekonomi berbanding dengan pembangunan di pantai timur Borneo Utara.

Keunggulan kuasa dan status pembesar-pembesar Sulu yang memerintah wilayah-wilayah di pantai timur Borneo Utara telah membolehkan mereka mendominasi dan memobilisasikan kumpulan-kumpulan etnik yang ada di wilayah tersebut. Pendominasian ini sangat penting dalam usaha mendaratkan seberapa banyak sumber laut dan hutan bagi memenuhi permintaan antarabangsa yang berpusat di Pelabuhan Jolo. Pembesar-pembesar Sulu yang berada di petempatan tebing sungai adalah kunci kepada hubungan baik dengan daerah pesisir Sulu dalam usaha mendapatkan bekalan-bekalan dagangan atau makanan. Hasil-hasil yang diperoleh disalurkan kepada Sultan Sulu dan diedarkan semula kepada pedagang asing. Keuntungan perdagangan telah mendorong ramai dalam kalangan pembesar-pembesar Sulu mendirikan petempatan bermusim atau sementara di daerah-daerah terpencil dan jauh dari pusat kerajaan Kesultanan Sulu. Mereka membina tembok-tembok atau kota-kota pertahanan sebagai tempat pemerintahan yang berperanan dalam menyelaraskan perdagangan di antara kawasan pantai dan pedalaman, mengutip ufti daripada orang-orang yang bergantung perlindungan dan taat setia kepada Kesultanan Sulu dan mengawal pergerakan penduduk-penduduk yang mendiami pinggir sungai.

Selain daripada peranan pemerintah dan pelaksana, peranan pengeluar juga tidak boleh dipandang rendah dalam pembangunan ekonomi semasa era Kesultanan Sulu. Pengeluar yang dimaksudkan ialah pelaut Bajau yang terlibat secara langsung dalam aktiviti penangkapan dan pendaratan sumber laut. Terdapat tiga peranan utama pelaut Bajau iaitu pertama sebagai tenaga kerja utama (buruh) dalam pembuatan garam kasar di pantai timur Borneo Utara. Kedua, pelaut Bajau mendaratkan sebanyak mungkin sumber laut yang ada untuk memenuhi bekalan produk laut dan permintaan daripada pembesar Sulu. Ketiga, pelaut Bajau menjadi aktor utama dalam pembuatan produk laut di pantai timur Borneo Utara. Ketiga-tiga peranan ini telah menyaksikan berlaku perkembangan penggunaan teknologi dan peralatan baharu. Antara teknologi dan peralatan menangkap ikan yang terdapat di pantai timur Borneo Utara pada abad ke-18 dan ke-19 termasuklah menggunakan batang kayu berlubang, *bujak* dan *sa'apang too mata, hilaruk*, kelong, *selambau*, *laya* dan menuba. Semua peralatan tersebut sangat penting dalam meningkatkan hasil tangkapan dan pendaratan sumber laut. Oleh itu, dasar ini dilihat sangat menonjol berbanding dasar-dasar lain yang dilaksanakan oleh pembesar Sulu.

### **Aktiviti Rompakan di Laut dan Pemburuan hamba**

Aktiviti rompakan dan pemburuan hamba merupakan salah satu aspek yang sangat penting dalam pembangunan ekonomi kelautan Kesultanan Sulu. Kepentingan ini sudah tentu berhubung kait dengan kuasa politik dan pengukuhan ekonomi termasuk menjadikan Pelabuhan Jolo sebagai pelabuhan terkenal di Asia Tenggara, perdagangan dan menguasai sumber-sumber laut dan hutan. Namun, untuk meneroka dan mengharungi wilayah laut bukanlah satu perkara yang mudah kerana memerlukan kemahiran yang tinggi dan mempunyai ilmu tradisi di laut seperti ilmu pasang surut, pergerakan angin, waktu pelayaran dan pantang larang di laut. Masyarakat bahari menganggap wilayah laut ini sebagai tempat usaha bagi umum dan tempat terbuka yang bebas untuk digarap oleh sesiapa sahaja. Terdapat dua tujuan utama dasar ini dilaksanakan, iaitu untuk memenuhi keperluan yang tinggi terhadap sumber tenaga kerja atau hamba dan untuk menjadi pengeluar dalam pembangunan ekonomi berasaskan sumber laut. Pelaksana dalam aktiviti ini dilakukan oleh orang Iranun dan Balangingi di bawah kawalan pembesar Sulu dalam kekuasaan Kesultanan Sulu.

Dalam dasar ini, sesebuah ekspedisi rompakan yang dilaksanakan orang Iranun dan Balangingi perlu membuat rundingan dengan sultan dan Rumah Bichara di Jolo melalui pembesar-pembesar Sulu terlebih dahulu sebelum memulakan operasinya. Tujuan utamanya adalah untuk mendapatkan kebenaran dan restu daripada pemerintah selain daripada membincangkan

pembahagian hasil ekspedisi tersebut. Poses ini menyaksikan penglibatan sultan dan Rumah Bichara yang mempunyai kuasa mutlak dalam kegiatan ini dan secara tidak langsung dapat mengawal pergerakan mereka. Namun, terdapat juga sebahagian ekspedisi yang dilakukan tanpa melalui proses ini dan belayar, sama ada secara berkumpulan ataupun persendirian memburu hamba walaupun mengakui kekuasaan Kesultanan Sulu dengan pemberian ufti. Keadaan ini disebabkan oleh sistem pemerintahan yang terbatas antara pemerintahan pusat di Jolo dengan tanah jajahannya yang terletak jauh di seberang laut dan akhirnya berlaku kesukaran untuk mengawal tindakan pembesar Sulu, orang Iranun dan Balangingi. Dalam dasar ini juga Sultan Sulu atas kebenaran Rumah Bichara telah mengeluarkan arahan kepada orang Iranun dan Balangingi supaya pedagang Cina dikecualikan daripada serangan dan tangkapan. Arahan ini sangat penting memandangkan mereka terlibat secara langsung sebagai pedagang luar dalam membantu perkembangan Pelabuhan Jolo dan ekonomi Kesultanan Sulu. Keistimewaan ini disebabkan Rumah Bichara yang dianggotai oleh golongan pemerintah memandang tinggi kedudukan pedagang Cina sehinggakan dalam Rumah Bichara terdapat perwakilan masyarakat Cina untuk membincangkan mengenai dasar perdagangan di Jolo (Majul, 1988:369).

Keperluan tenaga kerja dan amalan perhambaan menjadi faktor utama berlaku aktiviti rompakan dan pemburuan hamba yang dilaksanakan oleh Kesultanan Sulu pada abad ke-18 dan ke-19 di perairan pantai timur Borneo Utara khususnya dan umumnya di Asia Tenggara. Keperluan ini disebabkan oleh perkembangan dan perubahan ekonomi kelautan daripada secara sara diri ke ekonomi bersifat komersial yang sangat dititikberatkan oleh pemerintah Sulu sama ada di peringkat pusat di Jolo mahupun di kawasan wilayah-wilayah jajahan. Keperluan tenaga kerja yang terpenting untuk tujuan perdagangan luar dan memenuhi keperluan sumber-sumber laut dan hutan ialah hamba. Secara umumnya, sebahagian besar hamba dalam Kesultanan Sulu merupakan penduduk-penduduk dari luar Kepulauan Sulu yang ditangkap semasa ekspedisi pelanunan dan pemburuan hamba dilakukan. Mereka dibawa masuk ke Kesultanan Sulu sama ada secara persendirian ataupun secara berkumpulan. Kegiatan memburu dan mendapatkan hamba ini dilaksanakan di bawah kawalan pembesar Sulu meliputi kawasan yang luas merangkumi hampir seluruh kawasan Asia Tenggara (Muhammad Raduan, 1995:38).

Tidak dinafikan memang hamba-hamba yang menjadi tenaga kerja terdiri daripada pelbagai latar belakang kumpulan etnik, jantina dan umur. Dalam keadaan ini, harus diingat juga kepelbagaian tersebut bukan mudah untuk pembesar Sulu mengawal sepenuhnya hamba-hamba itu kecuali memerlukan suatu tingkat disiplin yang cukup tinggi untuk mencapai hasil yang diinginkan. Dalam hierarki Kesultanan Sulu, golongan hamba adalah golongan paling bawah,

namun begitu golongan ini merupakan elemen terpenting dalam menentukan ekonomi, kekuatan dan corak sosial Kepulauan Sulu (Tan, 205: XXXII). Misalnya, dalam penggunaan peralatan penangkapan ikan yang berskala besar seperti kelong dan selambau yang dimiliki dan diurus oleh golongan pemerintah sepenuhnya dan dikendalikan oleh hamba-hamba mereka. Peralatan ini memainkan peranan penting dalam membekalkan sumber ikan dan protien kepada pemerintah, penduduk, pengikut-pengikutnya termasuklah hamba. Pembinaan dan operasi kelong memerlukan hamba-hamba yang ramai di bawah penyeliaan seorang ketua biasanya daripada pembesar Sulu yang dilantik oleh pemerintah. kewujudan teknologi kelong ini sudah tentu memerlukan tenaga buruh yang ramai sebagai pengeluar utama penangkap ikan dan akhirnya dapat membekalkan sumber ikan kepada pedagang-pedagang luar khususnya dari Benua China.

Begitu juga dengan pekerjaan-pekerjaan lain dalam bidang ekonomi kelautan seperti pengeluar dalam penangkapan dan pendaratan ikan, pemungutan tripang, penyelaman mutiara, pembuatan garam, pemprosesan ikan mesin dan ikan kering, pedagang, pelayar dan sebagainya. Hamba juga terlibat dalam perusahaan berasaskan tanah daratan seperti memungut sarang burung, rotan, kapur barus, lilin, cengkih, tanaman padi, jagung, ubi-ubian, tanaman kelapa, tebu dan koko. Melihat keadaan ini tidak keterlaluan dikatakan bahawa tenaga hamba menjadi tonggak utama kepada keagungan Kesultanan Sulu pada abad ke-18 dan ke-19. Hal ini demikian kerana tenaga mereka digunakan untuk mengeksploitasi sumber laut dan hutan yang sangat penting dalam perdagangan luar dan membekal pelbagai komoditi di Pelabuhan Jolo pada waktu itu. Daripada sumber-sumber ini, Kesultanan Sulu bukan sahaja dapat menghidupkan perdagangan dan meletakkan Jolo sebagai pusat pemerintahannya di peta perdagangan Timur dan Barat, tetapi juga dapat mengukuhkan dan memperluaskan pengaruh politik Kesultanan Sulu.

Selain daripada keperluan tenaga kerja, penguasaan sumber laut dan hasil hutan di pantai timur Borneo Utara juga menyumbang kepada perkembangan aktiviti pelanunan dan pemburuan hamba. Kekayaan sumber semula jadi ekonomi daratan dan laut di pantai timur Borneo Utara sebenarnya telah menjadi salah satu faktor utama yang membawa kehadiran Kesultanan Sulu di wilayah ini. Antara sumber-sumber laut yang diperolehi di wilayah ini ialah seperti tripang, mutiara, sirip jerung, kulit penyu, siput, kerang, kepah, lokan, kupang, remis, ikan, udang, ketam, rumpai laut dan *amber*. Hasil-hasil hutan pula termasuklah lilin sarang lebah, kapur barus, rotan, sarang burung dan cengkih. Semua sumber laut dan hutan ini didaratkan dan diperolehi oleh penduduk Kesultanan Sulu untuk dikumpulkan di Sandakan sebelum dihantar ke Jolo bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan dan perdagangan luar

Sulu. Pengumpulan dan pemungutan semua komoditi ini bukanlah suatu kerja yang mudah kerana semua sumber bahan mentah bertaburan di wilayah ini, sama ada di pesisir pantai, lembah, sungai, hutan, bukit, gua dan sebagainya. Melihat keadaan ini, pembesar-pembesar Sulu memerlukan pengikut yang ramai termasuk penduduk-penduduk tempatan dan hamba-hamba yang diperoleh melalui kegiatan pelanunan dan pemburuan hamba. Langkah ini bertujuan untuk menguasai dan memonopoli sumber laut dan hasil hutan yang sedia ada untuk mengukuhkan lagi ekonomi kelautan Kesultanan Sulu. Maka, tidak hairan mengapa sebahagian daripada pembesar-pembesar Sulu menaja dan melengkapkan seluruh kegiatan rompak dan pemburuan hamba pada ketika itu walaupun tanpa kebenaran daripada Sultan Sulu.

### **Kejayaan Menguasai Ekonomi di Pantai Timur Borneo Utara**

Seperti yang diterangkan sebelum ini, memang tidak dapat dinafikan kawasan pantai timur Borneo Utara yang dibahagikan kepada tiga wilayah semasa pemerintahan Kesultanan Sulu memiliki kekayaan semula jadi sama ada dari segi penghasilan pelbagai hasil laut dan mempunyai sumber hutan. Antara hasil-hasil laut termasuklah tripang, mutiara, pelbagai spesies ikan, kulit penyu, sirip ikan jerung, kerang-kerang, udang, ketam, rumpai laut dan sebagainya, manakala sumber hutan yang terdapat di kawasan ini khususnya di kawasan pedalaman seperti sarang burung, lilin, rotan, kapur barus, damar, kayu kayan dan lain-lain. Tambahan pula pada waktu itu, terdapat penghasilan produk-produk berasaskan laut seperti tripang kering, mutiara, ikan masin dan ikan kering, sirip ikan jerung dan kulit penyu turut memperlihatkan kekayaan ekonomi kelautan dan tanah daratan di pantai timur Borneo Utara.

Pelbagai jenis hasil laut yang telah dihantar oleh pembesar-pembesar Sulu ke Pelabuhan Jolo untuk menyediakan dan memenuhi permintaan tinggi daripada pedagang-pedagang seperti pedagang Cina, pedagang India (Calcutta), pedagang Eropah dan pedagang tempatan (Bugis dan pembesar Sulu). Pedagang yang berasal dari China (Macao, Amoy dan Hong Kong) dan pedagang Inggeris yang berpangkalan di India adalah rakan dagang utama Kesultanan Sulu dalam perdagangan komoditi berasaskan hasil laut. Antara hasil laut utama yang dihantar atau dieksport dari Borneo Utara ke Pelabuhan Jolo ialah tripang, mutiara, kulit penyu dan sirip ikan jerung. Di Pelabuhan Jolo, semua produk berasaskan hasil laut seperti tripang, mutiara, sirip jerung, *pearl shell*, ikan masin dan ikan kering akan dipasarkan ke Benua China, manakala produk seperti mutiara, *pearl shell*, sirip jerung, kulit penyu dan perhiasan pula akan dipasarkan ke India (Ismail Ali, 2007:19-20; Warren, 1981:60). Misalnya, tripang dan mutiara merupakan komoditi eksport Sulu yang paling bernilai dalam perdagangan dengan Manila. Komoditi ini dibeli oleh pedagang Cina



dalam jumlah yang banyak dan mereka memiliki kepakaran menentukan jenis dan gred yang diperdagangkan. Menurut Thomas Forest:

*The black swallo is reputed the best; but I have seen some of a light colour, found only in deep water, which I was assured to be of more value in China than the black; and sold even for forty dollars a pecul. The pieces are much larger than are generally those of the black swallo, some of them weighing half a pound. The white swallo is the worst, easily got in shoal water, and on the dry sand, among coral rocks at low water. Its value is about four or five dollars a pecul (Forrest, 1779:396).*

Dari semasa ke semasa, kepesatan dalam perdagangan ini telah menyebabkan pedagang Cina mengalami masalah kekurangan kapal perdagangan dan terpaksa menyewa kapal daripada pemerintahan Sepanyol dengan kadar sewa di antara 600 hingga 700 pesos sebulan (Muhammad Raduan, 1995:124). Kesan daripada kehadiran pedagang-pedagang khususnya Cina telah menjadikan Pelabuhan Jolo sebagai sebuah pelabuhan yang pesat dan terkenal di Asia Tenggara pada waktu itu sebelum diruntuhkan oleh pemerintahan Sepanyol.

Dalam konteks pemasaran hasil laut di pantai timur Borneo Utara dapat dilihat melalui jumlah eksport produk laut ke Sulu seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Jadual ini menunjukkan jumlah eksport tripang, mutiara dan kulit penyu dari tanah jajahan Kesultanan Sulu di pantai timur Borneo Utara yang dibahagikan kepada tiga wilayah iaitu wilayah Marudu, wilayah Magindora dan wilayah Tirun. Setiap wilayah mempunyai petempatan-petempatan utama yang menjadi pusat pemerintahan pembesar-pembesar Sulu selaku wakil sultan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Melalui jadual tersebut dapat difahami bahawa Kurau/Berau (wilayah Tirun) adalah pengeluar utama produk tripang di pantai timur Borneo Utara iaitu sebanyak 1,000 pikul dan diikuti oleh Teluk Sandakan dan Sabahan (wilayah Magindora) masing-masing sebanyak 150 pikul dan 40 pikul.

Petempatan Sugut (wilayah Marudu) juga dikatakan pengeluar produk tripang utama dalam kuantiti besar (*considerable quantity*) dan petempatan Tidong juga terlibat sebagai pengeluar tripang tetapi kuantiti tidak dinyatakan secara terperinci [*unspecified quantity*]. Manakala pengeluar utama komoditi mutiara ke Sulu pula ialah Teluk Marudu dalam wilayah Marudu dan Teluk Sandakan dalam wilayah Magindora iaitu sebanyak 25 pikul dan 5 pikul. Petempatan Sabahan juga terlibat dalam pengeluar mutiara dalam kuantiti besar tetapi tidak dinyatakan jumlahnya. Bagi pengeluar utama komoditi kulit penyu pula diperolehi dari Teluk Marudu dan Paitan dalam wilayah Marudu, Kurau/Berau dalam wilayah Tirun dan Tidong dalam wilayah Magindora.

**Jadual 2** Jumlah eksport hasil laut dari Borneo Utara ke Sulu

Wilayah & Petempatan	Tripang	Mutiara	Kulit Penyu
<b>Wilayah Marudu</b>			
Teluk Marudu	-	25 kati	50 pikul
Paitan	-	-	c.q
Sugut	c.q	-	-
Labuk	-	c.q	-
<b>Wilayah Magindora</b>			
Teluk Sandakan	150 pikul	5 kat	-
Kinabatangan	-	-	-
Giong	-	-	-
Madai	-	-	-
Sabahan	40 pikul	c.q	-
Tidong	u.q	-	u.q
<b>Wilayah Tirun</b>			
Sibuco	-	-	-
Sambakong	-	-	-
Leo & Li Dong	-	-	-
Sicatak	-	-	-
Bulungan	-	-	-
Kuran/ Berau	1000 pikul	-	10 pikul

\*catatan: u.q. [*unspecified quantity*] dan c.q. [*considerable quantity*].

Sumber: Diubah suai daripada sumber asal (Warren, 1981:94).

**Jadual 3** Eksport tahunan Kesultanan Sulu kepada Alexander Dalrymple

Komoditi Laut	Sultan Bantilan (Muizz-ud-Din 1761) (pikul)	Datu Emir Bahar [1835] (pikul)
Tripang	1,000-10,000	10,000
Mutiara	2,000	12,000
Kulit penyu	100	600
Sirip jerung	100	600
Jumlah	35,400	23,200

Sumber: Diubah suai daripada sumber asal (Warren, 1981:65).

Selain daripada itu, pemasaran hasil laut juga boleh dilihat dari segi peranan Sultan Sulu dan pembesarnya dalam melaksanakan eksport tahunan bergantung dengan permintaan setiap jenis komoditi laut utama. Perkara ini terbukti melalui jumlah eksport komoditi tripang, mutiara, kulit penyu dan sirip ikan jerung oleh Sultan Bantilan pada tahun 1761 dan Datu Emir Bahar pada tahun 1835 kepada Alexander Dalrymple seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Berdasarkan jadual ini menunjukkan pada tahun 1761, Sultan Batilan (Muaizz-ud-Din) telah mengeksport komoditi laut yang terdiri daripada tripang, mutiara, kulit penyu dan jerung kepada Alexander Dalrymple kira-kira 35,400 pikul. Pada tahun 1835 pula, Datu Emir Kahar telah mengeksport komoditi laut yang sama iaitu tripang, mutiara, kulit penyu dan jerung kepada Alexander

Dalrymple kira-kira 23,200 pikul. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya dapat difahami bahawa pemasaran hasil-hasil laut dari kawasan pantai timur Borneo Utara di bawah pemerintahan Kesultanan Sulu dibahagikan kepada dua kategori iaitu pemasaran tempatan (domestik) dan pemasaran luar (eksport). Pemasaran tempatan atau dikenali juga sebagai pemasaran di peringkat dalaman melibatkan produk ikan masin dan ikan kering yang dijadikan sebagai alat pertukaran dengan penduduk tempatan untuk mendapatkan hasil-hasil hutan. Sementara pemasaran luar atau pemasaran di peringkat antarabangsa melibatkan produk ikan masin dan ikan kering, tripang kering, mutiara, kulit penyu, telur penyu, sirip ikan jerung dan sebagainya dihantar ke Pelabuhan Jolo untuk pasaran Asia Tenggara termasuk China dan India.

Abad ke-18 dan ke-19 telah memperlihatkan penghantaran hasil laut ke Pelabuhan Jolo oleh pembesar-pembesar Sulu dengan menggunakan pelbagai jenis perahu dan kapal yang dibawa masuk dari selatan Filipina. Antara jenis-jenis perahu dan kapal milik Kesultanan Sulu tersebut termasuklah *kora-kora*, *garay*, *barangayan*, *salisipan*, *lanong*, *joangga*, *parangkang prahu* dan sebagainya. Semua perahu dan kapal ini mendominasi Laut Sulu, Laut Celebes dan Laut China Selatan pada ketika itu. Kegunaannya bukan sahaja untuk tujuan mendaratkan hasil laut yang ditangkap oleh pelaut Bajau, tetapi juga digunakan untuk membawa barang dagangan daripada kawasan pedalaman dan pesisir pantai di Borneo Utara ke Pelabuhan Jolo dan kadang-kadang turut juga digunakan untuk aktiviti pelanunan.<sup>5</sup> Reka bentuk yang bersaiz besar dan stabil di laut telah membolehkan kapal ini belayar jauh ke laut dan mengharungi samudera untuk sampai ke destinasiya. Setelah sampai di Pelabuhan Jolo, komoditi-komoditi yang dibawa masuk akan diniagakan dan dipasarkan untuk memenuhi permintaan pedagang-pedagang yang datang ke pelabuhan tersebut termasuk pedagang Cina, Bugis, Belanda, Inggeris India dan pedagang setempat. Semua kehadiran pedagang ini telah menjadikan Pelabuhan Jolo sebagai sebuah pusat pengumpul dan pengedar barang dagangan yang penting di Asia Tenggara dan menjadi salah satu pelabuhan yang kaya dengan hasil laut dan sumber daratan. Kelangsungan ini telah memperlihatkan kesibukan dan kemeriahan di pelabuhan ini khususnya dan umumnya di Laut Sulu dengan kehadiran kapal-kapal pedagang luar.

Secara ringkasnya, aliran komoditi perdagangan Kesultanan Sulu di Pelabuhan Jolo, pedagang Cina yang membawa pelbagai komoditi dari Amoy (Canton atau Guangzhou) seperti tembikar, pinggan, mangkuk, tekstil, sutera, teh, tali, benang dan serbuk bedil ke Pelabuhan Jolo. Barang dagangan dari Jolo ke Amoy pula, pedagang Cina membawa balik komoditi yang diperlukan iaitu tripang, mutiara, candu, lilin, sarang burung, sirip jerung, kapur barus dan rempah-ratus. Begitu juga dengan pedagang Bugis, dari Sulawesi ke Jolo

membawa masuk barang dagangan seperti tripang, mutiara, kulit penyu, sirip jerung dan rempah-ratus. Dari Jolo ke Sulawesi pula, pedagang Bugis membawa balik komoditi termasuk senjata, serbuk bedil, alat logam, tali dan benang. Dari Betawi ke Jolo, pedagang Belanda membawa senjata api, alat logam dan kopi, sementara dari Jolo ke Betawi barang dagangan yang dibawa keluar iaitu pinggan, mangkuk, tembikar, teh, sutera dan rempah-ratus. Dari India ke Jolo, pedagang Inggeris membawa candu, senjata api, alat logam, tekstil, peralatan perang dan bedil, manakala dari Jolo ke India dan China, mereka membawa keluar barang dagang iaitu rempah ratus, teh, pinggan, mangkuk, tembikar, sarang burung, sirip jerung, tripang dan mutiara.

Menerusi aliran komoditi perdagangan ini, tidak dapat dipersoalkan lagi bahawa Pelabuhan Jolo adalah sebuah pusat pengumpulan dan pengeluaran barang dagangan utama di Asia Tenggara. Keadaan ini secara langsung telah menjadikan golongan pemerintah memperoleh keuntungan yang lumayan dan kekayaan melalui sistem percukaian, perkhidmatan dan penglibatan mereka dalam perdagangan sama ada di peringkat tempatan<sup>6</sup> mahupun di peringkat antarabangsa. Golongan pemerintah juga mempunyai pengaruh dan kuasa dalam menentukan jenis-jenis dan jumlah komoditi yang diperdagangkan di Jolo. Penguasaan perdagangan luar dan ekonomi kelautan seperti yang telah dibincangkan, golongan pemerintah termasuklah pembesar-pembesar Sulu telah dapat mencipta kekayaan, kekuasaan dan mengukuhkan lagi kedudukan politik mereka di bawah pemerintahan Kesultanan Sulu.

## **Kesimpulan**

Karakter pemerintah Kesultanan Sulu jelas memperlihatkan penguasaan ekonomi kelautan di Laut Sulu sebagai agenda ekonominya. Untuk mencapai agenda ini, pemerintah telah melaksanakan empat dasar utama iaitu dasar pengawalan ekonomi, dasar monopoli perdagangan, dasar dominasi ekonomi berasaskan sumber laut dan aktiviti rompak dan pemburuan hamba. Semua dasar ini sebenarnya memberikan banyak manfaat kepada kekayaan Kesultanan Sulu dan menambah kepesatan Pelabuhan Jolo. Misalnya, pelaksanaan dasar dominasi ekonomi berasaskan sumber laut dalam pembangunan ekonomi kelautan tidak dapat dipersoalkan lagi sehingga berjaya menguasai komoditi hasil laut dan hutan di pantai timur Borneo Utara. Kejayaan ini banyak ditentukan oleh pembesar-pembesar Sulu yang terlibat secara langsung sebagai pemodal dari penangkapan sehinggalah kepada pemasaran hasil laut. Sementara itu, pelaut Bajau yang bertindak sebagai pengeluar dalam aktiviti ekonomi kelautan termasuk mendaratkan hasil laut juga dilihat mempunyai peranan yang sangat besar. Semua usaha ini dari semasa ke semasa pembesar-pembesar Sulu telah berjaya memperoleh hasil laut seperti tripang, mutiara, kulit penyu, sirip

ikan jerung, udang, ketam, karang dan pelbagai spesies ikan segar. Kejayaan ini menandakan bahawa dasar yang dilaksanakan oleh Kesultanan Sulu telah mencapai matlamat dalam menguasai sumber laut dan hutan. Untuk mengekalkan penguasaan sumber laut ini, Kesultanan Sulu melaksanakan dasar amalan pelanuran dan perhambaan di pantai timur Borneo Utara. Semua dasar ini saling berkait antara satu sama lain dan sangat penting kepada kelangsungan ekonomi Kesultanan Sulu di rantau Asia Tenggara. Tanpa dasar ini sudah tentu Kesultanan Sulu tidak dapat menguasai ekonomi di Laut Sulu khususnya dan tidak dapat memperoleh sumber laut yang diperlukan oleh Jolo. Pelaksanaan dasar ini bukan sahaja dapat menguasai aktiviti perekonomian di Laut Sulu tetapi juga membolehkan mereka meraih kekayaan hasil daripada ekonomi berasaskan sumber laut di pantai timur Borneo Utara. Akhirnya, boleh dikatakan bahawa matlamat mereka ketika berada di wilayah pantai timur adalah menjadikan kawasan ini sebagai kawasan pengeluar sumber laut dan hutan untuk kepentingan Jolo sahaja dan bukannya untuk membangunkan kawasan tersebut. Kejayaan mereka menguasai ekonomi di Laut Sulu sebelum abad ke-19 adalah ditentukan oleh karakter pemerintah sebagai elemen utama sehingga menjadi kerajaan maritim yang terkenal di rantau ini.

## Nota

- <sup>1</sup> Istilah pedagang sama ertinya dengan saudagar, juragan, tauke, taipan, pengusaha, usahawan, wiraswasta dan wirausaha. Dalam bahasa Inggeris disebut *merchant*, *trader*, *entrepreneur* dan *businessman*. Apa yang dimaksudkan dengan pedagang adalah individu-individu atau kelompok orang yang terlibat mendapatkan nafkah hidupnya kerana memiliki atau menjalankan usaha dalam skala yang relatif besar di bidang perdagangan dan industri (Fahmi Idris, 2015:17-21).
- <sup>2</sup> Monopoli perdagangan berkaitan dengan hak keistimewaan atau keuntungan Tertentu Yang Diperoleh Daripada Satu Atau Lebih Perusahaan Yang dilakukan. Hak keistimewaan itu adalah hak eksklusif atau kekuasaan untuk menjalankan suatu bidang usaha tertentu, perdagangan, menghasilkan produk-produk tertentu, mengendalikan penjualan keseluruhan produk atau komoditi barang niaga termasuk menentukan harga barangan tersebut (Suyud Margono, 2009:7).
- <sup>3</sup> Pedagang Cina mengalami masalah kekurangan kapal perdagangan dan dikatakan terpaksa menyewa kapal Sepanyol dengan kadar sewaan di antara 600-700 pesos sebulan. Masalah ini juga disebabkan oleh Pelabuhan Macao yang mengadakan hubungan terus dengan Kesultanan Sulu yang akhirnya berlaku kebanjiran barangan kilang dari China di Jolo. Kesan daripada itu, kapitan-kapitan Cina mengalami kerugian berikutan kenaikan kos dalam pelaburan mereka. Akhirnya, mereka mengalihkan perdagangan ke Pelabuhan Singapura (Warren, 1981:63-66).
- <sup>4</sup> Pedagang Bugis telah menguasai pusat-pusat perdagangan di Samarinda, Pasir, Berau dan Pulau Laut di Kalimantan Timur, Kylie dan Dongala di Sulawesi ((Warren, 1989:4).
- <sup>5</sup> Kapal atau perahu merupakan medium perhubungan dan pengangkutan utama semasa era tradisional khususnya di alam Nusantara ini. Dengan bermulanya pembinaan dan pembuatan perahu, maka secara tidak langsung bermula era penjelajahan dan penjajahan di wilayah-wilayah baharu yang diterokai. Tidak dinafikan juga, kewujudan perahu yang berskala besar telah menyebabkan penguasaan wilayah laut yang menjadi kekuatan kepada sesebuah kerajaan awal yang berasaskan kerajaan maritim seperti Majapahit, Melaka, Sriwijaya, Aceh termasuk Sulu itu sendiri. Dalam konteks Sulu, penguasaan laut sangat penting bukan sahaja untuk mengukuhkan kedudukannya di rantau Asia Tenggara tetapi apa yang lebih penting ialah pendominasian ekonomi kelautan termasuk perdagangan dan Pelabuhan di Jolo. Untuk keterangan lanjut mengenai jenis-jenis perahu semasa pemerintahan Kesultanan Sulu dan kegunaannya (Warren, 1989:38-46).

<sup>6</sup> Pemasaran di peringkat tempatan dilaksanakan di pasar atau *tamu* yang merupakan sebuah institusi tetap di beberapa bahagian di Borneo Utara. Pemasaran ini boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu pertama, pemasaran tempatan yang berskala kecil yang hanya melibatkan beberapa buah kampung berdekatan sahaja yang hadir. Biasanya, tempat ini dijadikan tempat pertemuan untuk aktiviti sabung ayam, makan minum dan berhubung antara satu sama lain sehingga aspek perdagangan diabaikan. Misalnya, tamu asam di Tempasuk yang dijadikan tempat pertemuan antara orang Bajau dan Iranun dengan orang Dusun. Kedua, pasar yang dijadikan tamu khas untuk perdagangan yang lebih serius. Penduduk akan membawa beberapa jenis barang dagang seperti getah damar, tembakau, lilin lebah dan produk-produk lain untuk didagangkan dengan kedai-kedai Cina di daerah tersebut. Pada masa yang sama, pembesar-pembesar Sulu dapat memperoleh barang dagangan yang diperlukan di pasar khas ini untuk diperdagangkan di Jolo khususnya (Evans, 1923: 129-133).

## Senarai Rujukan

### Dokumen Arkib

Lt.E.L Smith, *Report On Sulu Moros*, Jolo, 23 September 1908.  
M:218/82- C.O.874, *Sulu Sultanate (1917-1936)*.

### Buku dan Jurnal

- Andrian Lopian. (2009). *Orang Laut, Bajak Laut, Raja Laut*, Jakarta: Komunitas Bambu Indonesia.
- Dalrymple, Alexander. (1769). *An account of what has passed between The India Directors and Alexander Dalrymple intened as an introduction to plan for extending the commerce of this kingdom, and the Company in the East-Indies by an establishment at Balambangan 1769*.
- Evans, Ivor H.N. (1923). *Studies in Religion, Folk-lore & Custom in British North Borneo and the Malay Peninsula*, Cambridge: University Press.
- Fahmi Idris. (2015). *Saudagar dalam Lintasan Sejarah Politik Indonesia*, Indonesia: Masyarakat Bangsa Produk Indonesia (MBPI).
- Forrest, Thomas. (1779). *A Voyage to New Guinea and the Moluccas, from Balambangan: including Account of Magindano, Sooloo, and other Island; Illustrated with Copper-plates. Performed in the Tartar Galley, Belonging to the Honourable East India Company, During the year 1774, 1775, and 1776*. Dublin: Printed for Messrs. Price, W. & Whitestone, Sleater.
- Ismail Ali. (2007). *Pembangunan Industri Hiliran berasaskan Perikanan di Sabah*. Kota Kinabalu. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Majul, Caser. (1988). *Islam di Filipina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majul, Cesar. (1981). An Analysis of the Genealogy of Sulu, Archipel. Volume 22, hlm. 167-182.
- Muhammad Raduan Md Ariff. (1995). *Dari Pemungutan Tripang ke Penundaan Undang: Satu kajian Mengenai Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan di Borneo Utara 1750-1990*, Disertasi, Universiti Malaya: Fakulti Sastera dan Sains.
- Saleeb, Najeeb, M. (1903). *The History of Sulu*. Bureau of Sqencb Division of Ethnology Publications, Volume Iv, Part Ll. Manila: Bureau of Printing.
- Singh, Ranjit. (2003). *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Supriya Bhar. (1980). Sandakan: From Gun Running Village to Timber Center 1879-1979. *Journal of The Malaysia Branch Royal Asiatic Society*. Vol. LIII.
- Suyud Margono. (2009). *Hukum Anti Monopoli*, Jakarta: Sinar Grafika.

- Tan, Samuel K. (2005). *Surat Sug: Letters of the Sultanate of Sulu, Philipines*: National Historical Institute.
- Tuban, Rita. (1994). A Genealogy of the Sulu Sultanate. *Philippine Studies*, 42(1), 20–38.
- Warren, James. (1981). *The Sulu Zone 1768-1898: The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*. Singapore: Singapore University Press.
- Warren, James. (1989). *At The Edge of Southeast Asian History*. Quezon City: New Day Publishers.